

PROPERTY INFORMATION SYSTEM
MALAYSIA (PRISM) 2.0



KEMENTERIAN KEWANGAN



E-BULETIN



EDISI KEDUA
JULAI 2024 - DISEMBER 2024

PENGLIBATAN

VERIFICATION & VALIDATION (V&V)

Pihak *Verification & Validation* (V&V) telah menjalankan pengujian statik terhadap dokumen Pelan Migrasi Data (Aplikasi) dan Dokumen Pelan Migrasi V&V bagi projek PRISM 2.0. Pengujian ini bertujuan untuk memastikan kesahihan dan ketepatan maklumat dalam dokumen sebelum fasa pembangunan sistem diteruskan.

Laporan ujian statik juga bertujuan untuk memastikan semua spesifikasi sistem diterangkan dengan jelas dan tepat di dalam dokumen, seterusnya memudahkan pelaksanaan migrasi data dan pembangunan sistem PRISM 2.0.



Pembentangan Laporan Ujian Statik Dokumen Pelan Data Migrasi PRISM 2.0 dan Dokumen Pelan Migrasi V&V



Sign-off Dokumen

Pegawai yang tersenarai untuk pengesahan dokumen projek bagi pihak JPPH telah dikumpulkan untuk menyemak dan menandatangani dokumen bagi tujuan *signoff*, memastikan semua pihak telah menerima kerjasama baik daripada pihak projek. Dengan itu, dokumen selesai *signoff* dan projek boleh bergerak ke fasa seterusnya.



Mesyuarat Perbincangan Web GIS

Mesyuarat ini bertujuan mengumpul maklumat dan keperluan semua modul diselesaikan pada fasa requirement, walaupun deployment dilakukan secara berperingkat.

Antara maklumat yang diperoleh termasuk cadangan modul, aliran data, dan fungsi-fungsi utama yang akan disediakan dalam sistem Web GIS. Maklumat ini akan digunakan untuk merancang dan mempersiapkan sistem lebih awal, memastikan pembangunan berjalan lancar apabila fasa seterusnya dilaksanakan.

AKTIVITI **PRISM 2.0**



Pengesahan Data untuk Migrasi

Mesyuarat Perbincangan Migrasi Data PRISM 1.0 ke PRISM 2.0 diadakan bagi mengenal pasti dan mengesahkan lajur data yang diperlukan untuk dipindahkan. Langkah ini penting bagi memastikan hanya data yang relevan dan sah dimigrasikan, sekali gus mengelakkan isu redundansi atau ketidaktepatan maklumat dalam sistem baharu.



PERBINCANGAN MIGRASI DATA PRISM 1.0 KE PRISM 2.0

- Mengetahui pasti dan mengesahkan nama-nama lajur (columns) yang terlibat dalam proses migrasi data.
- Membincangkan kesesuaian dan keperluan data yang akan dipindahkan daripada PRISM 1.0 ke PRISM 2.0.
- Mendapatkan pengesahan teknikal dengan penglibatan Bahagian Teknologi Maklumat sebagai rujukan utama.

Kepentingan Migrasi yang Teratur

Migrasi data yang terancang amat kritikal untuk mengekalkan prestasi sistem, kecekapan storan, serta memastikan capaian data lebih lancar dalam PRISM 2.0. Dengan penglibatan Bahagian Teknologi Maklumat, perbincangan ini memberi jaminan bahawa proses migrasi akan menyokong operasi sistem secara lebih stabil, optimum dan berskala untuk kegunaan jangka panjang.





AKTIVITI PRISM 2.0

UJIAN PENERIMAAN PENGGUNA (UAT)

- UAT bagi modul yang akan *live* Fasa 1 dijalankan dari 20 Ogos 2024 hingga 10 Disember 2024 secara berperingkat mengikut jadual yang ditetapkan
- Sesi UAT tidak dijalankan setiap hari, sebaliknya hanya pada tarikh tertentu bagi memberi ruang kepada pasukan pembangunan untuk membuat penambahbaikan berdasarkan maklum balas pengguna.
- Pendekatan ini memastikan setiap modul yang diuji dapat diteliti dengan lebih fokus, sekali gus membantu meningkatkan kestabilan, prestasi, dan kebolegunaan sistem PRISM 2.0.



Manfaat kepada Pengguna


Melalui sesi UAT, pengguna diberi peluang mencuba sendiri fungsi sistem PRISM 2.0. Ini membolehkan mereka memberi maklum balas terus kepada pasukan pembangunan, sekali gus memastikan sistem yang dibangunkan lebih mesra pengguna dan menepati keperluan operasi harian.



Menjamin Kelancaran Sistem

UAT juga berperanan sebagai mekanisme kawalan kualiti yang memastikan sistem berfungsi stabil dan berprestasi baik. Dengan itu, pelaksanaan PRISM 2.0 dapat berjalan lancar dan menyokong tugas pengguna tanpa gangguan besar.

Sekilas Sorotan Aktiviti



AKTIVITI PRISM 2.0

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PRISM 2.0 Bil. 3/2024 telah diadakan bersama Mesyuarat Kemajuan Prestasi Separuh Tahun Kedua PRISM 2.0 Bil. 2/2024 di Hotel Sama-Sama, Sepang.

Mesyuarat membincangkan tuntutan vendor serta prestasi kemajuan projek termasuk isu-isu berbangkit. Pada sesi ini juga, pihak vendor telah membuat penyerahan kontrak yang siap dibukukan, ditandatangani dan dicop rasmi.

Mesyuarat berkala ini penting bagi memastikan projek PRISM 2.0 sentiasa dipantau dan dilaksanakan mengikut perancangan.



**Mesyuarat Jawatankuasa
Pemandu PRISM 2.0 Bil. 3/2024**



SESI PERBINCANGAN PRISM 2.0 BERSAMA GISPP JPPH

Sesi perbincangan berkala ini memberi fokus kepada integrasi PRISM 2.0 dengan sistem GISPP JPPH, termasuk mengenal pasti lajur (*columns*) data yang sesuai untuk dikongsi.

Langkah ini penting bagi memastikan pertukaran data lebih teratur, mengelakkan pertindihan maklumat, serta menyokong kecekapan operasi sistem.



SESI PENGUJIAN UAT DAN PERBINCANGAN DOKUMEN SPESIFIKASI INTEGRASI SISTEM – SSO & PORTAL

Sesi ini diadakan bagi menyemak bersama pihak JPPH dokumen spesifikasi integrasi sistem, khususnya berkaitan halaman log masuk menggunakan *Single Sign-On* (SSO) dan pautan ke sistem melalui portal.

Perbincangan memberi tumpuan kepada pengesahan aliran log masuk, keselamatan akses pengguna, kebolehgunaan antara muka, serta keselarasan fungsi pautan sistem di dalam portal. Pada masa yang sama, sesi Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) turut dijalankan bagi memastikan integrasi ini berfungsi dengan baik dan memenuhi keperluan operasi yang ditetapkan.